



**PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA**  
*Office of the Director-General of Education Malaysia*  
**ARAS 8, BLOK E8**  
*Level 8, Block E8*  
**KOMPLEKS E**  
*Complex E*  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
*Federal Government Administrative Centre*  
**62604 PUTRAJAYA**

*Telefon : 03-8884 6077*  
*Faks : 03-8889 4548*  
*Laman web: <http://www.moe.gov.m>*

KP/KPPM/PADU (5)  
21 Oktober 2013

Semua Ketua Jabatan / Bahagian  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Semua Pengarah Pendidikan Negeri  
Semua Pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus  
Semua Pegawai Pendidikan Daerah  
Semua Ketua Jabatan Pegawai Kader/Pinjaman

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**PROFIL KEPIMPINAN DI JABATAN PENDIDIKAN NEGERI (JPN)  
DAN PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH (PPD)**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan mengenai perkara yang tersebut di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan sedia maklum, transformasi pendidikan memerlukan barisan kepimpinan pada peringkat JPN dan PPD berpengetahuan, berkemahiran dan berupaya untuk memimpin dan mengurus sumber dengan baik ke arah peningkatan prestasi sekolah seperti yang dihasratkan dalam Anjakan 6

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu Mengupaya JPN, PPD dan Sekolah Untuk Menyediakan Penyelesaian Khusus Berasaskan Keperluan.

3. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia sedang mengumpul maklumat untuk membangunkan satu pangkalan data bagi kumpulan kepimpinan pada pelbagai peringkat Kementerian di seluruh negara.

4. Tujuan utama inisiatif ini ialah untuk membolehkan Kementerian mengenal pasti tahap keupayaan dan kecekapan pegawai bagi kumpulan kepimpinan. Maklumat yang diperolehi akan digunakan untuk menyediakan profil kepimpinan dan pembangunan kerjaya pegawai di JPN dan PPD pada masa hadapan.

5. Untuk itu, Kementerian akan menjalankan proses mengenal pasti Profil Kepemimpinan di seluruh negara sebagai sebahagian daripada usaha membangunkan kumpulan kepimpinan. Inisiatif ini akan dilaksanakan dalam dua peringkat dan merangkumi dua kumpulan iaitu:

**Kumpulan 1 (K1):** - Pengarah dan Timbalan Pengarah JPN dan Pegawai Pendidikan Daerah dan Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah (**sila rujuk Lampiran I**); dan

**Kumpulan 2 (K2):** - Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) yang layak yang memenuhi kriteria berikut iaitu Gred DG44 dan ke atas, dengan pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam jawatan Pengurusan (**sila rujuk Lampiran II**).

5.1 **Peringkat Pertama** proses pembangunan profil kepimpinan melibatkan penilaian sendiri yang akan dilakukan oleh calon yang tersebut di atas. Peringkat ini akan dijalankan melalui mekanisme penilaian sendiri secara dalam talian dan semua pegawai seperti yang dinyatakan diatas adalah diwajibkan untuk menjawab soal selidik penilaian sendiri yang disediakan. Capaian kepada soal selidik ini adalah melalui pautan laman sesawang berikut:

[https://www.research.net/s/Profil\\_Kepimpinan\\_K1](https://www.research.net/s/Profil_Kepimpinan_K1)

[https://www.research.net/s/Profil\\_Kepimpinan\\_K2](https://www.research.net/s/Profil_Kepimpinan_K2)

5.2 Pada peringkat ini, pegawai perlu melengkapkan dua (2) bahagian utama. Bahagian 1 merupakan maklumat mengenai butiran peribadi dan pengalaman, manakala Bahagian 2 merupakan maklumat mengenai tahap kecekapan dari segi kompetensi Fungsian yang diperlukan untuk melaksanakan peranan sebagai pegawai di JPN dan PPD.

5.3 **Peringkat Kedua** proses pembangunan profil kepimpinan melibatkan temu bual calon yang terpilih bersama-sama panel profil di seluruh negara. Panel penilai akan terdiri daripada mantan KPPM, TKPPM, Pengarah JPN dan PPD serta Pengetua/Guru Besar yang bersara tetapi berwibawa dan cemerlang sepanjang perkhidmatan dalam Kementerian. Fokus utama kumpulan panel ini ialah menilai dan menentukan tahap kecekapan dari aspek kompetensi fungsian calon berdasarkan penilaian sendiri yang dilakukan dalam peringkat pertama.

- 5.4 **Peringkat Ketiga** proses pembangunan profil kepimpinan melibatkan proses menilai dan mengenal pasti tahap kecekapan calon berdasarkan kompetensi Kepimpinan yang diperlukan untuk melaksanakan peranan dan tugas di JPN dan PPD.
- 5.5 Pada akhir peringkat ketiga, hasil penyediaan profil akan dibentangkan kepada kumpulan pengurusan kanan dalam Kementerian untuk perbincangan dan tindakan selanjutnya.
6. YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah dipohon untuk mengambil tindakan sewajarnya dalam menyempurnakan proses pemprofilan kepimpinan di JPN dan PPD dan menyebarkan luas usaha penyediaan profil ini kepada semua pegawai di Bahagian/Jabatan masing-masing.
7. Segala kerjasama YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan berikan dalam melancarkan urusan ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang Ikhlas,



**(TAN SRI ABD GHAFAR BIN MAHMUD)**

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia

## KUMPULAN 1 (K1)

**PENGARAH JPN, TIMBALAN PENGARAH JPN,  
PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH  
DAN TIMBALAN PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH**

Kumpulan ini **WAJIB** menjalani proses penyediaan profil kepimpinan.

**Jadual Proses Penyediaan Profil Kepimpinan**

<b>Peringkat</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Proses Pembangunan Profil</b>
<b>Peringkat 1</b>	13 – 22 Nov 2013 (2 minggu)	Peringkat 1: Proses ini akan dijalankan melalui mekanisme penilaian sendiri secara dalam talian. Pegawai mesti menjawab soal selidik penilaian sendiri yang disediakan melalui pautan laman sesawang berikut:  <b><a href="https://www.research.net/s/Profil_Kepimpinan_K1">https://www.research.net/s/Profil_Kepimpinan_K1</a></b>
<b>Peringkat 2 &amp; 3</b>	25 Nov – 20 Dis 2013 (4 minggu)	Peringkat 2: Proses ini melibatkan temu bual calon yang terpilih bersama-sama panel profil di seluruh negara.  Peringkat 3: Proses ini melibatkan proses pembangunan profil calon yang terpilih bersama-sama pihak pakar yang dikenal pasti dan dilantik oleh Kementerian.

## KUMPULAN 2 (K2)

- i. **WAJIB** kepada Timbalan Pengarah Bahagian, Ketua Sektor dan Ketua Unit di peringkat Kementerian; Ketua Sektor dan Ketua Unit di JPN; Ketua Unit di PPD; Pengetua, Guru Penolong Kanan, Ketua Bidang dan Ketua Panitia di peringkat Sekolah Menengah.
- ii. Profil kepimpinan ini juga **TERBUKA** kepada semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah yang layak seperti di bawah:
  - Gred DG44 dan ke atas; dan
  - Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam jawatan Pengurusan

**Jadual Proses Penyediaan Profil Kepimpinan**

Peringkat	Tarikh	Proses Pembangunan Profil
Peringkat 1.1	13 Nov – 6 Dis 2013 (4 minggu)	Peringkat ini akan dijalankan melalui mekanisme penilaian sendiri secara dalam talian. Pegawai mesti menjawab soal selidik penilaian sendiri yang disediakan melalui pautan laman sesawang berikut: <a href="https://www.research.net/s/ProfilKepimpinanK2">https://www.research.net/s/Profil Kepimpinan K2</a>
Peringkat 1.2	23 Dis 2013 – 3 Jan 2014 (2 minggu)	Proses ini melibatkan penilaian oleh ketua/penyelia calon dalam menilai dan menentukan tahap kecekapan dari aspek kompetensi fungsian calon berdasarkan penilaian sendiri yang dilakukan dalam peringkat 1.1

---

<b>Peringkat</b> <b>2</b>	3 – 28 Feb 2014 (4 minggu)	Proses ini melibatkan temu bual calon yang terpilih dan disenarai pendek bersama-sama panel profil di seluruh negara.
<b>Peringkat</b> <b>3</b>	17 Feb – 31 Mar 2014 (6 minggu)	Proses ini melibatkan proses pembangunan profil calon yang terpilih bersama-sama pihak pakar yang dikenal pasti dan dilantik oleh Kementerian.

---